

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15 May 2015

## Wujud badan khas urus bencana bersifat proaktif - Musa Hitam

Um - 15/5/2015

KUALA LUMPUR 14 Mei - Kerajaan digesa mewujudkan sebuah badan khas yang bertindak menyelaraskan operasi pengurusan bencana secara efektif dengan melibatkan penyertaan sektor awam dan swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pengerusi Yayasan Sime Darby (YSD), Tun Musa Hitam berkata, platform tersebut berupaya memastikan kelemahan sifar apabila berlakunya bencana sekali gus menambah baik segala aspek pengurusan bencana negara mengikut keperluan dan peredaran semasa.

Tegasnya, antara fungsi utama badan tersebut adalah untuk mewujudkan kerjasama erat antara pihak terlibat bagi meneliti segala aspek pengurusan bencana secara menyeluruh meliputi koordinasi, mobiliti, komunikasi, penempatan serta undang-undang.

"Negara perlu memiliki aspek pengurusan bencana yang bersifat proaktif iaitu sentiasa bersedia dan mampu menangani apa juga cabaran dan isu mahupun kekangan yang dihadapi apabila berlakunya bencana.

"Kerajaan perlu memikirkan tentang perkara itu kerana prosedur pengurusan bencana 30 atau 40 tahun lalu sudah tidak relevan, maka sudah tiba masanya tahap pengurusan banjir diteliti secara komprehensif," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri persidangan memperkasakan kerjasama sektor awam dan swasta pada waktu bencana anjuran Peratuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Mercy Malaysia, Datuk Dr. Ahmad Faizal Mohd. Perdaus.

Mengulas lanjut, Musa memberitahu, bencana banjir buruk yang melanda negara awal tahun ini telah menyaksikan banyak kelemahan yang berpunca daripada masalah koordinasi, komunikasi serta kurang kerjasama antara pihak berkenaan.

"Pelbagai inisiatif juga dapat diketengahkan apabila platform itu diwujudkan seperti mengurangkan kerenah birokrasi ketika bencana, sebagai contoh sebarang keputusan boleh dilakukan dengan pantas dan serta merta.

"Masalah itu timbul khususnya di pihak kerajaan yang menyaksikan sebarang keputusan



**Negara perlu memiliki aspek pengurusan bencana yang bersifat proaktif iaitu sentiasa bersedia dan mampu menangani apa juga cabaran dan isu mahupun kekangan yang dihadapi apabila berlakunya bencana."**

**MUSA HITAM**  
Pengerusi Yayasan Sime Darby

perlu dibuat mengikut protokol, di mana anggota perlu merujuk kepada pegawai dan pegawai pula perlu merujuk pihak atasan sebelum membuat keputusan, semua ini tidak sepatutnya berlaku ketika bencana," katanya.

Tambahnya, masalah itu akan menjejaskan serta merencatkan sebarang pengagihan bantuan termasuk usaha menyelamat.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan agar setiap daerah juga mempunyai sebuah bangunan khas untuk dijadikan tempat perlindungan mangsa yang dilengkapi dengan pelbagai bantuan asas seperti ubat-ubatan, selimut dan air minuman.

"Apabila berlakunya bencana, orang ramai sudah tahu ke mana perlu dituju dan keperluan semua sudah tersedia, bukan seperti sebelum ini apabila tejadinya bencana baru mahu mencari lokasi penempatan sementara serta menyalurkan bantuan dan keperluan," katanya.